

URUSETIA PENGURUSAN GRADUAN
ISTIADAT KONVOKESYEN UTHM KE-17
PEJABAT PENGURUSAN AKADEMIK

MAKLUMAN

Istiadat Konvokesyen UTHM ke 17 akan berlangsung pada **14, 15 & 16 Oktober 2017** setelah mendapat perkenan **Tuanku Canselor** Universiti Tun Hussein Onn Malaysia ;

Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang Dipertuan Bagi Negeri Dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim

Tahniah kepada pelajar yang telah memohon penganugerahan Ijazah dan Diploma bagi Konvokesyen Universiti ke 17.

Setiap graduan diminta untuk memberi perhatian kepada **PERATURAN AM** yang **WAJIB** dipatuhi sebagai persediaan sebelum pendaftaran pengesahan kehadiran melalui Portal rasmi Konvokesyen UTHM yang akan dibuka (**3 Minggu**) sebelum tarikh konvokesyen berlangsung.

URUSETIA PENGURUSAN GRADUAN
ISTIADAT KONVOKESYEN UTHM KE-17
PEJABAT PENGURUSAN AKADEMIK

MAKLUMAN

Istiadat Konvokesyen UTHM ke 17 akan berlangsung pada **14, 15 & 16 Oktober 2017** setelah mendapat perkenan **Tuanku Canselor** Universiti Tun Hussein Onn Malaysia ;

Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang Dipertuan Bagi Negeri Dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim

Tahniah kepada pelajar yang telah memohon penganugerahan Ijazah dan Diploma bagi Konvokesyen Universiti ke 17.

Setiap graduan diminta untuk memberi perhatian kepada **PERATURAN AM** yang **WAJIB** dipatuhi sebagai persediaan sebelum pendaftaran pengesahan kehadiran melalui Portal rasmi Konvokesyen UTHM yang akan dibuka (**3 Minggu**) sebelum tarikh konvokesyen berlangsung.

PERATURAN AM

- ✓ Graduan **HENDAKLAH** akses portal **e-konvo** dalam laman web rasmi Universiti bagi pengesahan kehadiran Istiadat Konvokesyen.
- ✓ Graduan tahun semasa yang telah memohon penganugerahan akademik dan layak menerimanya hanya dibenarkan menghadiri Istiadat Konvokesyen pada tahun semasa sahaja.
- ✓ Graduan **DIWAJIBKAN** menyelesaikan **semua hutang pengajian, pemulangan pinjaman buku atau apa-apa caj berkaitan yang tertunggak & yuran konvokesyen** sebelum diberikan laluan dalam **semakan graduan** dalam portal **e-konvo** bagi mengesahkan kehadiran.
- ✓ Graduan **DIWAJIBKAN** mengisi soal selidik Kajian Pengesanan Graduat & Kajian Sistem Maklumat ALUMNI (SISMA) melalui portal **e-konvo**.
- ✓ Graduan **DIWAJIBKAN** membawa **Surat Jemputan Graduan** dan **borang pinjaman set pakaian konvokesyen** yang dicetak sendiri setelah membuat pengesahan kehadiran Istiadat Konvokesyen dan kegunaan semua urusan konvokesyen.

✓ Bagi tujuan pemulangan jubah dan pengambilan Sijil Akademik / Transkrip ; graduan **DIWAJIBKAN** membawa dokumen cetakan sendiri yang diperlukan :

- a). Surat Jemputan Graduan ;
- b). Borang pinjaman set pakaian konvokesyen (cetak sendiri) ;
- c). Slip Pengesahan Kajian Pengesanan Graduat ;
- d). Slip Pengesahan Sistem Maklumat ALUMNI (SISMA).
- e). Pengesahan pengisian borang BEM secara online (hanya graduan Sarjana Muda kursus kejuruteraan & teknologi kejuruteraan sahaja)

* Bagi Wakil Graduan **DIWAJIBKAN** membawa dokumen yang diperlukan dengan menyertakan Borang Rasmi (seperti di-*email* kan) dan jika wakil diberikan kuasa mengambil pakaian tersebut hendaklah disertakan salinan kad pengenalan wakil bagi urusan berkaitan; peminjaman set pakaian konvokesyen @ pemulangan pakaian konvokesyen sahaja.

YURAN KONVOKESYEN

- ✓ Yuran Konvokesyen adalah seperti berikut :-

Bagi graduan program bukan bidang Kejuruteraan

Status/ Peringkat	Doktor Falsafah	Sarjana / Sarjana Muda / Diploma
Hadir	RM 230.00	RM 200.00
Tidak Hadir	RM 170.00	RM 140.00

Bagi graduan Sarjana Muda program Kejuruteraan dan Teknologi Kejuruteraan (hanya 6 program sahaja) dikenakan yuran tambahan bagi pendaftaran wajib Lembaga Jurutera Malaysia (BEM) termasuk caj perkhidmatan hanya bagi **graduan mengesahkan kehadiran majlis sahaja.**

Status / Peringkat	Sarjana Muda Kejuruteraan (Semua Program)	YURAN KONVOKESYEN & BEM (termasuk caj perkhidmatan)
Hadir	Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan	RM 200.00 RM 70.00
	<ol style="list-style-type: none"> 1. Awam (Perkhidmatan Bangunan) dengan kepujian 2. Mekanikal (Loji) dengan kepujian 3. Mekanikal (Tekstil) dengan kepujian 4. Mekanikal (Pembungkusan Industri) dengan kepujian 5. Elektronik (Automasi Industri) dengan Kepujian 6. Kimia (Bioteknologi) dengan kepujian 	
	<p style="text-align: center;">Graduan yang mengesahkan ketidakhadiran & tiada maklum balas tidak diuruskan pendaftarannya dengan BEM</p>	

PENGAMBILAN SET PAKAIAN KONVOKESYEN

Pengambilan set pakaian Konvokesyen di ARAS 1 Dewan Peperiksaan (**Blok F2**) dalam tempoh **7 hari** waktu bekerja rasmi sebelum majlis berlangsung. Kaunter pengambilan tidak dibuka pada hari sesi **RAPTAI** Konvokesyen seperti jadual berikut :-

HARI / TARIKH	MASA	TEMPAT
(Selasa & Rabu) 3 & 4 Oktober 2017	8.30 pagi ~ 12.30 tgh REHAT 2.30 ptg ~ 4.30 ptg	Aras 1, Dewan Peperiksaan (Blok F2)
(Khamis) 5 Oktober 2017	8.30 pagi ~ 1.00 tgh REHAT 2.30 ptg ~ 3.30 ptg	
(Ahad ~ Rabu) 8 hingga 11 Oktober 2017	8.30 pagi ~ 12.30 tgh REHAT 2.30 ptg ~ 4.30 ptg	Aras 1, Dewan Peperiksaan (Blok F2)

<p>(Khamis) 12 Oktober 2017</p>	<p>8.30 pagi ~ 1.00 tgh REHAT 2.30 ptg ~ 3.30 ptg</p>	
<p>(Jumaat) 13 Oktober 2017</p>	<p>TUTUP</p>	

- ✓ Graduan dinasihatkan untuk mengambil set pakaian Konvokesyen lebih awal bagi mengelakkan kesesakan, stok saiz jubah yang agak terhad.
- ✓ Pastikan setiap graduan membawa **surat jemputan (cetakan sendiri)** dan **borang peminjaman set pakaian konvokesyen @ wakil beserta dengan dokumen yang diperlukan.**
- ✓ Urusan pengambilan di saat akhir amat tidak digalakkan bagi mengelakkan kesilapan tersalah ambil peringkat pengajian jubah dan set kelengkapannya.

RAPTAI

- ✓ Setiap graduan **DIWAJIBKAN** menghadiri diri untuk mengikuti sesi **RAPTAI** penuh sehari sebelum Majlis Konvokesyen iaitu pada hari **JUMAAT (13 Oktober 2017)** pukul **2.30** petang di **Dewan Sultan Ibrahim**.
- ✓ Pastikan berpakaian sopan yang telah ditetapkan oleh peraturan sedia ada dikuatkuasakan oleh Universiti ketika menghadiri **RAPTAI** tersebut.
- ✓ Pastikan setiap graduan mengikuti, mematuhi tatacara majlis dan menghormati perjalanan **RAPTAI** agar berjalan secara harmoni dan lancar.
- ✓ Makanan dan minuman adalah **DILARANG** dibawa ke dalam Dewan.

PENDAFTARAN KEHADIRAN GRADUAN MASUK KE DEWAN

- ✓ Kaunter **Pendaftaran Graduan** pada hari berlangsungnya Majlis akan dibuka dan graduan hendaklah **HADIR 30 minit** sebelum kaunter dibuka bagi mengelakkan kesesakan lalulintas / ruang parkir dan kemungkinan **TERLEWAT** mendaftar atas sebab perkara diluar jangkaan.

- ✓ Hanya graduan dibenarkan mendaftar sesi **SIDANG** yang telah ditetapkan seperti jadual berikut :-

Jadual Kaunter Pendaftaran Graduan

MASA	TEMPAT	SIDANG
7.15 pagi ~ 8.00 pagi	Foyer sebelah kanan Dewan Sultan Ibrahim	SESI PAGI (1) (3) (5)
12.00 tengahari ~ 1.30 petang		SESI PETANG (2) (4) (6)

- ✓ Graduan **MESTILAH** mematuhi **MASA / TARIKH** dan **SIDANG** yang telah ditetapkan. Sekiranya **LEWAT** graduan tidak akan dibenarkan **SAMA SEKALI** menyertai Istiadat Konvokesyen.
- ✓ Graduan **MESTILAH** membawa salinan surat jemputan (cetakan sendiri) ketika sesi pendaftaran di kaunter pendaftaran kehadiran graduan dilaksanakan secara sistem layan diri.
- ✓ Pelekat Kenderaan Graduan Konvokesyen hendaklah dilekatkan di sisi kanan cermin kenderaan mengikut **SIDANG (Warna Merah Jambu ~ Sesi Pagi : Sidang 1, 3 & 5)** dan **(Warna Ungu ~ Sesi Petang : Sidang 2, 4 & 6)** yang berkaitan bagi mengelakkan kesesakan pada parkir kenderaan.
- ✓ Kad jemputan Majlis Konvokesyen ibu bapa / tetamu graduan akan diberikan bersama pelekat kenderaan semasa ketika para graduan berurusan pengambilan set pakaian konvokesyen.

- ✓ Graduan hendaklah mematuhi kod Etika Pakaian seperti yang telah ditetapkan oleh Universiti bagi mengelakkan sebarang kesulitan ketika mendaftar.
- ✓ Graduan **DIWAJIBKAN** memakai set pakaian konvokesyen lengkap ketika mendaftar di kaunter pengesahan kehadiran. Ibu / Bapa / Ahli keluarga adalah **DILARANG** mengiringi graduan ketika berada di **ZON KHAS GRADUAN**.
- ✓ Graduan **DILARANG** membawa masuk barang-barang persendirian seperti beg tangan, makanan, minuman tablet, kamera atau pelbagai alat teknologi maklumat (*Gadget*) ke dalam **DEWAN**. **PIHAK UNIVERSITI** tidak bertanggungjawab ke atas keselamatan barang-barang persendirian tersebut.
- ✓ Telefon Bimbit **DIBENARKAN** dengan syarat penggunaannya dalam **MODE GETARAN** tidak menimbulkan implikasi dan mencacatkan sepanjang perjalanan keharmonian Majlis. **Kebenaran penggunaan telefon bimbit adalah TERHAD** bagi tujuan kecemasan sahaja.

- ✓ Bagi graduan berstatus **Orang Kelainan Upaya (OKU)** cacat anggota @ cedera yang menggunakan kerusi roda hendaklah memaklumkan kepada Urusetia ketika pengambilan jubah konvokesyen.
- ✓ Graduan **(OKU)** dinasihatkan untuk membawa sendiri kerusi roda milik persendirian. Begitu juga dengan para ibu bapa / tetamu **(OKU)** adalah dinasihatkan membawa kerusi roda milik persendirian.
- ✓ Bagi graduan **Orang Kelainan Upaya (OKU)** sila berhubung dengan **Petugas Konvokesyen** untuk bantuan sesi pendaftaran dan naik ke pentas.
- ✓ Bagi graduan Muslim/Muslimat **Sesi Petang (Sidang 2, 4 & 6)** hendaklah terlebih dahulu mendaftarkan diri, kemudian memohon pelepasan izin untuk **menunaikan Solat Zohor dengan memaklumkan kepada petugas Konvokesyen** dan segera masuk mengikut nombor giliran apabila selesai solat.
- ✓ Ketika Majlis berlangsung graduan hendaklah menghormati dan fokus demi menjaga keharmonian perjalanan Majlis. Adalah **DILARANG** graduan membawa makanan atau minuman terutama mengunyah gula getah @ permanen ketika Majlis sedang berlangsung.

PEMULANGAN SET PAKAIAN KONVOKESYEN

&

TUNTUTAN SIJIL / TRANSKRIP AKADEMIK

Jadual pemulangan set pakaian konvokesyen dan tuntutan sijil/transkrip akademik seperti berikut :-

HARI / TARIKH	MASA	TEMPAT
(Sabtu) 14 Oktober 2017	12.30 tgh 7.30 malam	Aras Bawah Dewan Peperiksaan (Blok F2)
(Ahad) 15 Oktober 2017	9.00 pagi 7.30 malam	
(Isnin) 16 Oktober 2017	9.00 pagi 7.30 malam	Aras Bawah Dewan Peperiksaan (Blok F2)
(Selasa) 17 Oktober 2017	9.00 pagi 4.00 ptg	
* Cuti Umum (Rabu) 18 Oktober 2017	Kaunter dibuka 9.00 pagi 4.00 ptg	
(Khamis) 19 Oktober 2017	9.00 pagi 3.00 ptg	

Peringatan

GRADUAN YANG TIDAK MEMATUHI
PERATURAN YANG DITETAPKAN ATAU
GAGAL MEMATUHI ARAHAN PETUGAS
ADALAH DILARANG DARIPADA
MENYERTAI ISTIADAT KONVOKESYEN